

---

## SIARAN MEDIA

### **MyCC ANJUR PROGRAM “2<sup>nd</sup> MOOT COURT COMPETITION ON COMPETITION LAW 2017” BERSAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA**

**KUALA LUMPUR, 30 Oktober 2017** - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengadakan program selama tiga hari bagi “2<sup>nd</sup> MOOT COURT COMPETITION ON COMPETITION LAW 2017” di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dari 28-30 Oktober 2017. Ini merupakan inisiatif MyCC dalam memberi pendedahan dan kesedaran mengenai Akta Persaingan 2010 (AP 2010) kepada golongan siswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia.

Program ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran mengenai kepentingan Undang-Undang Persaingan kepada pihak universiti khususnya para siswa. Kerjasama dengan pihak UIAM merupakan salah satu usaha dalam memperkuatkan hubungan antara pihak universiti dengan MyCC untuk menggalakkan pengetahuan dalam bidang persaingan. Program seumpama ini sekaligus dapat menarik minat para siswa dan IPT yang lain untuk turut serta dalam memberi kerjasama dari sudut pendidikan, kajian serta perkongsian mengenai Undang-Undang Persaingan. Selain itu, program ini juga diharap dapat melahirkan golongan yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang tinggi mengenai Undang-Undang Persaingan di Malaysia kelak.

Sejak Januari 2017 hingga kini, MyCC telah menerima sebanyak 56 aduan dan 36 daripadanya telah berjaya diselesaikan. Manakala, sebanyak 16 kes yang masih aktif sedang dalam peringkat siasatan MyCC yang melibatkan sektor seperti farmaseutikal, perolehan awam, teknologi maklumat, logistik, kewangan dan perkhidmatan. Sejak 1 Januari 2012 sehingga kini, MyCC telah mengeluarkan keputusan-keputusan yang melibatkan pengenaan penalti kewangan sebanyak RM23.4 juta. Selain itu, MyCC juga telah mengadakan lebih daripada 200 program advokasi mengenai persaingan di seluruh negara. Bagi tahun ini, MyCC telah menjalankan 18 program advokasi yang melibatkan sektor awam dan swasta sehingga Oktober 2017 termasuklah program advokasi bersama pihak IPT.

Program “MOOT COURT COMPETITION ON COMPETITION LAW 2017” ini adalah merupakan kali yang kedua di anjurkan oleh MyCC. Terdapat tujuh kumpulan yang terdiri daripada empat buah IPT yang telah menyertai pertandingan pada kali ini. Hadiah yang ditawarkan adalah sebanyak RM 3,000.00 beserta piala untuk pemenang tempat pertama dan sebanyak RM 1,500.00 untuk tempat kedua beserta piala.

--Tamat--

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Tel +603 2273 2277

**Bahagian Hal Ehwal Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penaltipenalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).